

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**PERLAMBANGAN IMEJ ORANG MUDA DAN
ORANG TUA DALAM PERIBAHASA: ANALISIS
TEORI RELEVANS**

NURUL AIDA NADIRA BT ANUAR

Projek Ilmiah yang dikemukakan untuk memperolehi
Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Gunaan (Kepujian)
Bahasa Melayu Komunikasi Profesional

Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa

JUN 2016

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi, dengan limpahan rahmat dan kurnia-Nya, dapatlah saya menyiapkan Projek Ilmiah ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan khas buat Cik Rozaimah Rashidin, selaku penyelia Projek Ilmiah ini. Beliau telah banyak memberi tunjuk ajar, bimbingan, nasihat dan pandangan yang membina serta dorongan untuk saya menyempurnakan Projek Ilmiah ini. Beliau juga sanggup mengorbankan masa dan tenaga dalam membantu saya menyiapkan Projek Ilmiah ini. Tanpa sokongan, dorongan serta pandangan yang bernas daripada beliau, mungkin Projek Ilmiah ini tidak dapat dihasilkan dengan jayanya. Segala tunjuk ajar, teguran, bimbingan serta bantuan yang telah dihulurkan akan sentiasa dihargai dan dan terus tersemat di hati saya.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Dr. Noor Ida Ramli, Dr. Norizah Ardi, Encik Azhar Abdul Wahab, Puan Farah Hanini Abdul Rahman, Cik Midiyana Mohamad, Puan Noriza Daud, Puan Azita Che Din, Puan Diyana Saupi, Puan Norhazlina Husin, Cik Amirah Ahmad serta semua pensyarah Program LG 241 atas segala ilmu yang telah dicurahkan sepanjang saya menimba ilmu di UiTM ini. Sesungguhnya segala ilmu dan jasa yang telah diberikan itu amat besar dan berharga kepada saya.

Teristimewa buat bonda tercinta, Maznah bt. Mat Nor dan ayahanda tersayang, Anuar b. Hussin, terima kasih kerana sentiasa memberikan kasih sayang, dorongan, semangat dan doa restu yang tidak pernah putus. Sekalung penghargaan serta ribuan terima kasih juga buat semua rakan-rakan seperjuangan di APB khasnya kepada sahabat karib saya; Faten Heryantie Yatisan, Siti Norain Rosdi dan juga Zafirah Adila Mustapha yang sentiasa memberi dorongan serta kata-kata semangat kepada saya sepanjang penghasilan Projek Ilmiah ini. Terima kasih juga diucapkan kepada semua rakan-rakan LG 241 yang telah banyak berkongsi suka dan duka, ilmu, tunjuk ajar, pertolongan sepanjang menuntut ilmu di UiTM. Segala pertolongan serta tunjuk ajar yang pernah dihulurkan dan dikongsi bersama akan saya kenang sehingga ke akhir hayat saya. Semoga kita semua akan berjaya dan terus cemerlang dalam apa jua bidang yang diceburi. Insya'allah.

Akhir kata, segala budi dan kebaikan yang telah kalian hulurkan, hanya Allah S.W.T. sahaja yang dapat membalasnya. Sesungguhnya, yang baik itu datang daripada Allah S.W.T. dan yang buruk itu adalah kelemahan diri saya sendiri. Sekian, terima kasih.

LOT 2137, KAMPUNG BINJAL,
KUBANG TERAP,
17000 PASIR MAS,
KELANTAN.

ABSTRAK

Peribahasa merupakan satu rumusan ringkas dan padat yang mencerminkan kebijaksanaan masyarakat Melayu melalui tafsiran penggunaan sesuatu lambang yang wujud di persekitaran mereka. Kajian ini bermatlamat untuk menjelaskan secara sintesis mengenai perlambangan imej orang muda dan orang tua yang digunakan dalam peribahasa Melayu dengan menggunakan teori Relevans. Data kajian ini diambil daripada bab satu (1), bab dua (2), bab lima (5), bab enam (6), dan bab tujuh (7) dalam CD-ROM **Tikaman Bahasa (Siri Koleksi Warisan)** yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2002. Melalui kajian ini, unsur-unsur perlambangan imej orang muda dan orang tua yang digunakan dalam peribahasa Melayu dibincangkan secara terperinci dengan menggunakan teori Relevans. Unsur-unsur perlambangan imej orang muda dan orang tua juga dianalisis berdasarkan aspek makna perlambangan yang digunakan dalam peribahasa Melayu. Selain itu, kajian yang dilakukan ini juga bertujuan untuk mengenal pasti pola jenis perlambangan imej orang muda dan orang tua yang sering digunakan dalam peribahasa Melayu. Kajian ini memperlihatkan bahawa perlambangan imej orang tua yang digunakan dalam peribahasa Melayu lebih banyak mengandungi makna negatif berbanding perlambangan imej orang muda yang lebih menonjol dengan makna positif. Oleh itu, kajian ini membuktikan bahawa masyarakat Melayu telah berjaya melihat kepada persekitaran sekeliling mereka dan pengalaman hidup mereka dalam membina dan memilih perlambangan yang sesuai digunakan dalam sesebuah peribahasa sekaligus menunjukkan bahawa masyarakat Melayu merupakan sebuah masyarakat yang kreatif kerana dapat menyesuaikan perlambangan yang dikaitkan dengan persekitaran kognitif mereka ke dalam sesebuah peribahasa.

ISI KANDUNGAN		Halaman
PENGAKUAN		ii
PENGHARGAAN		iii
ABSTRAK		iv
ABSTRACT		v
KANDUNGAN		vi
SENARAI JADUAL		ix
SENARAI RAJAH		x
BAB I	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Permasalahan kajian	3
1.3	Objektif kajian	4
1.4	Persoalan kajian	5
1.5	Kepentingan kajian	5
	1.5.1 Penelitian peribahasa melalui kerangka teori Relevans	6
1.6	Batasan dan skop kajian	6
1.7	Definisi konsep	7
	1.7.1 Perlambangan	7
	1.7.2 Orang muda	7
	1.7.3 Orang tua	8
	1.7.4 Peribahasa Melayu	9
	1.7.5 Teori Relevans	10
1.8	Kesimpulan	10
BAB II	KOSA ILMU	
2.1	Pengenalan	12
2.2	Ulasan kosa ilmu	13
	2.2.1 Kajian bersifat deskriptif	13
	2.2.2 Kajian bersifat preskriptif	18
2.3	Analisis kritis	21
2.4	Kerangka teori: pendekatan dan teori pilihan	27
2.5	Kesimpulan	30

BAB III	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	31
3.2	Pendekatan kajian: teori Relevans	31
3.3	Ruang lingkup kajian	32
	3.3.1 Rasional pemilihan data	32
3.4	Tatacara pengumpulan data	35
	3.4.1 Pembacaan data	36
	3.4.2 Pemilihan data	37
	3.4.3 Pembahagian data	38
	3.4.4 Perlabelan data	40
3.5	Penganalisan data	41
	3.5.1 Kerangka analisis	42
3.6	Kesimpulan	44
BAB IV	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	45
4.2	Analisis dapatan kajian	45
4.3	Dapatan kajian	48
	4.3.1 Peribahasa bagi gabungan perlambangan imej orang muda dan orang tua yang mengandungi makna positif dan negatif dalam peribahasa Melayu	49
	4.3.2 Peribahasa bagi perlambangan imej orang muda yang mengandungi makna positif dan negatif dalam peribahasa Melayu	59
	4.3.3 Peribahasa bagi perlambangan imej orang tua yang mengandungi makna positif dan negatif dalam peribahasa Melayu	64
	4.3.4 Huraian bagi perlambangan imej orang muda berdasarkan makna positif dan negatif dalam peribahasa Melayu	69
	4.3.5 Huraian bagi perlambangan imej orang tua berdasarkan makna positif dan negatif dalam peribahasa Melayu	73
4.4	Kesimpulan	76
BAB V	KESIMPULAN	
5.1	Pengenalan	77
5.2	Rumusan dapatan kajian	77
	5.2.1 Perlambangan orang muda dan orang tua dalam peribahasa Melayu	77
5.3	Sumbangan kajian	79
5.4	Cadangan kajian masa depan	80